KERTUK

Kertuk dimainkan untuk menghalau burung di kawasan sawah atau bendang terutamanya pada musim padi yang sedang menguning.

Oleh **ARBA'IYAH ABDUL AZIZ**

Selain Wayang Kulit, MakYung, Menora, Gasing, Congkak dan Wau, "Kertuk" merupakan sejenis permainan kesenian tradisi masyarakat Melayu yang popular di Kelantan dan Terengganu.

Berdasarkan penceritaan awal, kertuk dimainkan untuk menghalau burung di kawasan sawah atau bendang terutamanya pada musim padi yang sedang menguning.

Kertuk yang digunakan adalah jenis yang paling ringkas iaitu dengan hanya menggunakan sekeping papan yang diperbuat daripada batang nibung yang terletak di atas tanah yang telah dilubangkan. Kertuk ini diketuk bagi mengeluarkan bunyi yang kuat untuk menghalau burung-burung yang memakan hasil tanaman padi.

Ada juga yang berpendapat, kertuk berasal daripada permainan kerabat Diraja Kerajaan Siam pada suatu masa dahulu. Biasanya kertuk dimainkan oleh anak raja Siam dalam kawasan istana. Alat permainan ini diperbuat daripada sebiji buah kelapa besar yang dipotong pada paras bahagian atas dan diletakkan sekeping papan di atasnya lalu diketuk dengan menggunakan sebatang kayu yang dibaluti getah di hujung. Dari situlah permainan ini mula dikenali dan diminati oleh penduduk setempat.

Reka bentuk kertuk adalah pelbagai dan dapat diperoleh dalam berbagai-bagai saiz, bentuk dan corak mengikut kreativiti seseorang pembuat kertuk.

Pada masa dahulu terdapat empat jenis kertuk yang menjadi alat permainan golongan petani. Antaranya ialah jenis kertuk tanah, kertuk kaki, kertuk kayu, dan kertuk kelapa.

Pada masa kini kertuk dihasilkan bagi tujuan pertandingan. Sebelum sesuatu pertandingan bermula beberapa persediaan dan persiapan perlu disediakan, antaranya menyusun atur alatan kertuk, lekar, ibu kertuk, belira dan pemalu yang sesuai di tempatnya.

Hiasan yang dinamakan panji diletakkan pada tiap-tiap kertuk sebagai simbol kedamaian, perpaduan, keharmonian dan kesejahteraan hidup.

Pada setiap pertandingan yang dianjurkan, kebiasaannya kertuk dimainkan secara berpasukan dari lapan hingga 10 orang pemain walaupun pada asalnya permainan kertuk ini hanya dimainkan oleh dua orang sahaja.

Pertandingan kertuk di negeri Pantai Timur.

Terdapat juga kumpulan yang mempunyai 12 buah kertuk dan dimainkan oleh 24 orang pemain. Permainan harus mengikut rentak atau irama yang ditetapkan oleh ketua pasukan yang dikenali sebagai "Tok Ngulu" yang berperanan sebagai pemberi isyarat kepada anak-anak buahnya ketika paluan dilakukan.

Setiap pertandingan yang diadakan boleh memakan masa sehingga sehari suntuk. Kemeriahan pertandingan amat dirasai apabila turut disertai oleh para penduduk dari kampung yang berlainan.

Pertandingan kertuk biasanya diadakan pada waktu malam sesudah solat Isyak. Kebun getah dipilih sebagai lokasi pertandingan kerana mudah untuk membahagikan sempadan di antara pasukan berdasarkan barisan pokok-pokok getah yang telah sedia tersusun dalam bentuk segi empat.

Apabila pertandingan bermula setiap pasukan diberi giliran memalu kertuk masing-masing. Mereka mula mengetuk belira mengikut urutan susunannya.

Dari ketukan belira inilah maka terhasilnya bunyi dalam permainan kertuk. Selain menghasilkan bunyi dengungan dan irama yang sama rentak terdapat tiga jenis nada yang dapat menghasilkan bunyi yang indah iaitu nada rendah, nada sederhana, dan nada tertinggi.

Diharapkan permainan kertuk tidak pupus dan dapat diperkenalkan kepada generasi akan datang bukan sahaja di negeri Pantai Timur

Pertandingan ini biasanya diadili oleh seorang pengadil yang juga bertindak sebagai penjaga masa manakala terdapat seorang hakim yang bertanggungjawab sebagai pemberi markah. Pendapat peminat atau orang ramai yang datang juga diambil kira.

Banyak unsur positif yang dapat diperoleh daripada permainan kertuk. Antaranya memupuk semangat bertanding secara berpasukan, persefahaman, bekerjasama dan bertanggungjawab. Dari aspek sosial pula, akan wujud interaksi sama ada antara para peserta dan juga masyarakat kampung yang datang bertanding.

Diharapkan permainan kertuk tidak pupus dan dapat diperkenalkan kepada generasi akan datang bukan sahaja di negeri Pantai Timur malah terus dimainkan oleh mereka yang berada di tempat-tempat lain di Malaysia. Kertuk merupakan salah satu daripada khazanah seni yang perlu dipelihara.